



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: JURUTERA PERUBATAN HAYAT KANAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: JABATAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI PENJAGAAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

#### **KELAYAKAN MINIMUM:**


1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Perubatan Hayat / Medical Electronic / Medical Equipment Management / Elektronik / Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian.  
ii) Sedang Berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Jurutera Perubatan Hayat atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

#### **ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Penyelenggara Perkakas Perubatan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA PERUBATAN HAYAT KANAN:**

1. Mengetuai bahagian yang ditetapkan.
2. Bertanggungjawab terhadap kemajuan dan kebijakan pegawai-pegawai bawahan seperti kenaikan pangkat, latihan-latihan, pelajaran-pelajaran dan apa juar yang bersangkutan dengan kemajuan bahagian yang di bawah jagaannya.



3. Bertanggungjawab terhadap pembaharuan bahagian yang di bawah jagaan seperti pengambilan pegawai-pegawai baru, perkembangan serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di bahagian di bawah penjagaannya.
4. Bertanggungjawab di dalam menyediakan semua perancangan-perancangan yang akan disusun dan diselenggarakan.
5. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas seperti menyediakan peruntukan, menyediakan perancangan-perancangan jangka pendek dan panjang di bahagian yang di bawah jagaan.
6. Bertanggungjawab di dalam mengawasi kakitangan-kakitangan di bahagian di bawah jagaan.
7. Bertanggungjawab terhadap kemajuan dan peningkatan produktiviti bahagian yang di bawah jagaan.
8. Memberi bantuan teknikal dari segi khidmat nasihat dan penilaian terhadap teknologi perubatan untuk tujuan pembelian ataupun sebarang kajian kemungkinan.
9. Membantu dalam apa jua kerja di peringkat sistem terhadap alat-alat perkakas perubatan yang canggih.
10. Merancang, menyusun dan mengenalpasti alat-alat perubatan yang akan diservis kontrekkan.
11. Merancang dan menyusun prosedur-prosedur kerja-kerja pemeriksaan terhadap keselamatan dan pengukuran (safety check and calibration) alat-alat elektronik perubatan mengikut ketetapan yang telah dikeluarkan oleh institusi-institusi yang diiktiraf antarabangsa atau ketetapan yang telah dibuat oleh pihak pembuat atau pihak pengeluar.
12. Membuat kerja-kerja di luar waktu kerja apabila dikehendaki bagi bahagian yang memerlukan khidmat tersebut seperti unit buah pinggang, makmal kecemasan dan lain-lain.
13. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.